



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 4, Blok E10, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya
Tel : 603-8883 2544
Faks : 603-8889 5601
E-mail : kkm@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
Bagi Minggu 36/2013 (1 hingga 7 September 2013)**

'Ops Gempur Aedes Siri 3/2013'

Operasi penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 '**Ops Gempur Aedes Siri 3/2013**' telah dilaksanakan di seluruh negara pada 9 September 2013. Hasil daripada operasi yang dijalankan sejumlah 16,842 premis telah diperiksa di seluruh negara dan terdapat 87 kompaun dikeluarkan bernilai RM43,500 kepada premis yang mempunyai pembiakan. Operasi ini bertujuan memberikan kesedaran kepada orang ramai dan mengambil tindakan penguatkuasaan serta undang-undang terhadap pemilik premis yang didapati ada pembiakan Aedes. Operasi ini melibatkan kerjasama penguatkuasa dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga Pihak Berkuasa Tempatan, dan ditumpukan di lokaliti berwabak serta lokaliti-lokaliti bermasalah denggi di seluruh negara. Masyarakat terutamanya di lokaliti-lokalitersebut telah dinasihatkan untuk memberi kerjasama kepada Pihak Berkuasa serta membersihkan kawasan persekitaran supaya bebas dari pembiakan Aedes.

Pada minggu lepas bagi tempoh 1 hingga 7 September 2013 sejumlah 741 kes denggi telah di laporkan di seluruh negara dengan tujuh (7) negeri menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Pulau Pinang 7 kes (33%), masing-masing 4 kes di Sarawak (33%) dan Pahang (25%), Perlis 3 kes (150%) manakala masing-masing meningkat 1 kes di WP Labuan (100%), Sabah (10%) dan Kelantan (4%). Jumlah kumulatif kes Denggi dilaporkan adalah 19,644 kes iaitu peningkatan sebanyak 29% (4,396 kes) berbanding 15,268 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012.

Satu (1) kematian akibat denggi telah dilaporkan pada minggu yang sama menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi sehingga kini adalah sebanyak 39 kematian, meningkat sebanyak 12 kematian (44%) berbanding 27 kematian bagi tempoh yang sama tahun lepas. Kematian melibatkan melibatkan seorang pelajar lelaki berusia 17 tahun yang berasal dari Kampar, Perak. Pesakit mula mengalami gejala demam, sakit kepala, muntah dan sakit badan telah mendapatkan rawatan di klinik sebanyak dua kali sebelum dirujuk ke hospital dan dimasukkan ke wad. Pesakit yang kemudiannya dirujuk ke Unit Rawatan Rapi (ICU), walau bagaimanapun meninggal dunia dengan sebab kematian "*Dengue Shock Syndrome*". Hasil Pemeriksaan Pembiakan Aedes (PPA) yang telah dijalankan di kawasan kediaman pesakit mendapati kadar pembiakan Aedes sangat tinggi iaitu pada kadar sebanyak 21.2%. Satu gotong-royong hasil kerjasama masyarakat setempat dengan Pejabat Kesihatan Daerah telah dijalankan di lokaliti tersebut untuk menghapuskan tempat pembiakan Aedes bagi mencegah jangkitan denggi.

Pada minggu lepas, sejumlah 201 lokaliti wabak denggi telah dilaporkan di 10 negeri iaitu 132 lokaliti di Selangor, 33 lokaliti di Johor, sepuluh (10) lokaliti di WP Kuala Lumpur & Putrajaya, sembilan (9) Perak, tujuh (7) lokaliti di Pulau Pinang, empat (4) di Terengganu, tiga (3) di Melaka dan masing-masing satu (1) di Sarawak, Pahang dan Negeri Sembilan. Daripada jumlah tersebut terdapat enambelas (16) lokaliti *hotspot* dilaporkan iaitu 14 lokaliti di daerah Petaling, Selangor serta satu lokaliti masing-masing di daerah Hulu Selangor, Selangor dan Johor Baharu, Johor. Lokaliti tersebut adalah PJS 8 Mentari Court 1 (Blok A,B,C,D), PJS 8 Mentari Court 2 (Blok E, F dan G), Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 – Blok 12 dan Blok 38 – Blok 43), Seksyen 13 (Apartment Perdana), PJU 8 Apt. Flora Damansara 1 (Blok A,B), Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51), Taman Bukit Kinrara 1 (Pangsapuri Melor), Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37), Seksyen 7 Shah Alam, Teres B zon A (Jalan 7/29 – 7/30, Unisel & Jalan A7/A-F7/F), PJU 5, Seksyen 4, Gugusan semarak, Seksyen 7, Pangsapuri Baiduri, Seksyen U4, Pangsapuri Damai, Seksyen 20, Taman Paramount, Taman Ihsan Ibu, Rumah Pangsa Kulai dan Seksyen U5, Pangsapuri Sri Purnama.

Hasil dari pemantauan KKM mendapati, sebanyak 83,797 premis telah diperiksa di seluruh negara dengan 1,260 premis didapati mempunyai pembiakan Aedes dan memberikan nilai indeks Aedes 1.5%. Sejumlah sembilan (9) negeri menunjukkan indeks Aedes melebihi nilai sensitif 1.0% iaitu Sarawak (3.1%), Pulau Pinang (2.7%), Perlis (2.6%), Kelantan (1.9%), Melaka (1.8%), Selangor (1.7%) dan masing-masing 1.2% di Sabah, Perak dan Negeri Sembilan. Indeks Aedes yang tinggi ini telah menyumbang kepada peningkatan kes di negeri-negeri tersebut.

Masyarakat perlu lebih prihatin terutamanya di lokaliti-lokaliti hotspot untuk bersama-sama menjaga persekitaran rumah mereka dengan memastikan kawasan rumah bebas daripada pembiakan nyamuk Aedes. Peningkatan kes dan kawasan wabak ini dipengaruhi oleh peningkatan kadar pembiakan Aedes yang mana meningkat sebanyak 13% pada minggu lepas berbanding dengan minggu sebelumnya di seluruh negara. Ini berpunca daripada tingkah laku masyarakat yang membuang sampah merata rata dan tidak mengurus pembuangan sampah dengan baik menyumbang kepada tempat pembiakan Aedes. KKM akan sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan dan jika didapati terdapat pembiakan Aedes, tindakan kompaun maksimum RM500 dan untuk kesalahan berulang tindakan mahkamah akan diambil terhadap pemilik premis. Pemilik premis yang disabitkan kesalahan di mahkamah boleh dikenakan denda maksimum RM 10,000 atau 2 tahun penjara atau kedua-duanya bagi kesalahan pertama dan untuk kesalahan kedua denda maksimum RM 50,000 atau 5 tahun penjara atau kedua-duanya boleh dikenakan.

DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

12 September 2013

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 36/2013
(1hingga 7 September 2013)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 36/2013	Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 36/2012
		Minggu 36 (1 – Sept 2013)	Minggu 35 (25 – 31 Ogos 2013)		
1	Perlis	5	2	160 (1)	134
2	Kedah	11	14	587 (1)	610 (3)
3	P. Pinang	28	21	531 (2)	570 (1)
4	Perak	33 (1)	48	1,232 (1)	1,129 (5)
5	Selangor	391	436	9,085 (10)	6,657 (11)
6	WPKL & Putrajaya	38	45	1,480 (6)	1,346 (3)
7	N. Sembilan	11	12	428	358 (1)
8	Melaka	39	39	450 (2)	356
9	Johor	92	119 (2)	2,676 (11)	1,154 (1)
10	Pahang	20	16	402	455 (1)
11	Terengganu	16	22	280	563
12	Kelantan	29	28	932 (1)	830
13	Sarawak	16	12 (1)	962 (3)	735
14	Sabah	11	10	450 (1)	363 (1)
15	WP Labuan	1	0	9	8
	Jumlah	741 (1)	824 (3)	19,664 (39)	15,268 (27)

Nota: () Kematian

* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**SENARAI LOKALITI “HOTSPOT” DILAPORKAN
PADA MINGGU 36 BAGI TAHUN 2013**

Bil	Negeri	Daerah	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)	Indeks Aedes
1	Selangor	Petaling	Seksyen 13 (Apartment Perdana)	15	59	1.6%
2	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Pangsapuri Baiduri	5	34	0%
3	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat A (Blok 1 - Blok 12 & Blok 38 - Blok 43)	29	61	3.6%
4	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat B (Blok 13 - Blok 37)	22	40	4%
5	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Flat C (Blok 44 - Blok 51)	26	54	1.9%
6	Selangor	Petaling	Seksyen 7 Shah Alam Teres B Zon A (Jln 7/29 - 7/30, Unisel & Jln A7/A - F7/F)	12	35	6.7%
7	Selangor	Petaling	Seksyen U4 Pangsapuri Damai	10	34	3.3%
8	Selangor	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Sri Purnama)	15	31	2.1%
9	Selangor	Petaling	Pjs 8 Mentari Court 1 (Blok A, B, C,D)	85	82	38.2%
10	Selangor	Petaling	Pjs 8 Mentari Court 2 (Blok E, F & G)	36	82	38.2%
11	Selangor	Petaling	Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	9	35	1%
12	Selangor	Petaling	Pju 8 Apt Flora Damansara 1 (Blok A ,B)	18	53	11.9%
13	Selangor	Petaling	Seksyen 20 Taman Paramount	5	34	0%
14	Selangor	Petaling	Taman Bukit Kinrara 1 (Pangsapuri Melor)	8	51	0%
15	Johor	Kulai	Rumah Pangsa Kulai	12	33	5.9%
16	Selangor	Hulu Selangor	Taman Ihsan Ibu	11	33	8%